



**UCAPAN PERASMIAH  
KURSUS PENINGKATAN PRODUKTIVITI GETAH  
2009 RISDA NEGERI KEDAH**

**OLEH  
YANG BERBAHAGIA TAN SRI RAHIM TAMBY CHIK  
PENGERUSI RISDA**

TEMPAT: PEJABAT RISDA DAERAH KUALA MUDA/YAN  
SUNGAI PETANI, KEDAH  
TARIKH : 5 APRIL 2009  
MASA : 2.15 PETANG

**Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis**

**Yang Berbahagia Dato' Ali Nordin bin Wahiduddin  
Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan RISDA  
Mewakili Ketua Pengarah RISDA**

**Yang Di hormati Tn. Hj. Azmi bin Mohamad  
Pengarah RISDA Negeri Kedah**

**Pegawai dan anggota RISDA**

**Seterusnya Tuan-Tuan dan Puan-puan Pekebun Kecil yang dikasihi serta para hadirin yang dihormati sekalian**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

## **1.0 PENGHARGAN**

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan izinNya dapat kita berkumpul pada pagi yang mulia ini di Pejabat RISDA Sungai Petani yang serba indah dan menarik ini bagi ‘Majlis Penutupan Kursus Peningkatan Produktiviti Getah 2009 Negeri Kedah’ pada pagi ini. Saya

3

mengambil peluang di sini untuk mengucapkan ribuan terima kepada Pengurusan RISDA khususnya RISDA Negeri Kedah atas kesudian menjemput saya untuk merasmikan Majlis ini.

Saya juga mengalu-alukan kedatangan semua pekebun kecil Negeri Kedah khususnya pekebun kecil kawasan Sungai Petani dan saya berharap Tuan-tuan dan Puan-puan dalam keadaan sihat walafiat dan sentiasa dilindungi oleh Allah SWT dalam usaha kita untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab kita.

4

## **2.0 PENINGKATAN PRODUKTIVITI**

Peningkatan produktiviti pekebun kecil adalah penting bagi merealisasikan peningkatan pendapatan RM 2,000 sebulan sekeluarga menjelang akhir tahun 2010. Prestasi pencapaian 2008 iaitu 1,580kg/hek/tahun bagi getah menunjukkan produktiviti dan pengeluaran hasil masih mempunyai ruang untuk peningkatan.

Saya dengan penuh ikhlas mengucapkan ribuan terima kasih di atas komitmen dan kesungguhan yang ditunjukkan oleh Tuan-Tuan dan Puan-puan. Walau bagaimanapun, usaha-usaha untuk meningkatkan pengurusan dan peningkatan produktiviti kebun masih perlu dilaksanakan berterusan secara terancang dan teratur

supaya kebun getah dapat mengeluarkan hasil dalam tempoh 41/2 tahun dan mengeluarkan hasil tidak kurang daripada 2,000 kg/hek/tahun. Saya yakin pihak RISDA semestinya telah menjalankan aktiviti pengembangan kepada tuan-tuan dan puan-puan supaya menjalankan amalan agronomi yang baik dalam meningkatkan hasil dan mengoptimumkan produktiviti bagi tanaman getah dan sawit. Pada tahun 2009 ini, saya telah dimaklumkan bahawa pihak RISDA mengorak langkah menjalankan kursus Potensi Pengeluaran Kebun (Site Yield Potential) kepada kakitangan RISDA terbabit. Daripada Potensi Pengeluaran Kebun (Site Yield Potential) kita akan dapat

mengetahui potensi maksimum pengeluaran kebun. Jadi, RISDA dan pekebun kecil akan bekerjasama untuk mendapatkan kualiti pengeluaran kebun.

### **b. Program Peningkatan Produktiviti Getah (PPG)**

Berdasarkan senario industri getah kini, RISDA melipatgandakan usaha membantu pekebun kecil dalam meningkatkan produktiviti. Untuk itu RISDA telah menilai semula saling-kait faktor yang mempengaruhi produktiviti antaranya melaksanakan Program Peningkatan Produktiviti Getah (PPG), pada tahun ini, Kerajaan menyediakan

peruntukan dan bantuan input pertanian kepada pekebun kecil getah dengan tujuan untuk meningkatkan produktiviti kebun getah matang. Bagi memastikan produktiviti kebun dapat ditingkatkan, pekebun kecil yang layak menerima bantuan PPG akan dibekalkan dengan alatan rangsangan, baja dan kimia rumpai. Input Pertanian yang dibekalkan termasuk baja, racun rumpai, etefon/Mortex dan RRIMFlow/G-Flex. PPG dilaksanakan supaya pekebun kecil :

- i. Memulihkan kebun getah matang yang tidak terurus mengikut amalan agronomi yang baik supaya menjadi produktif.

- ii. Memastikan kebun getah matang tidak terbiar ditoreh atau ditoreh semula.
- iii. Memastikan kebun getah matang yang menyertai PPG terus ditoreh dan diurus mengikut amalan agronomi yang baik.
- iv. Meningkatkan kecekapan dan produktiviti kebun getah matang ke tahap minimum 2000 kg/hektar/tahun.

9

### c. Program Pemantauan Teknologi 3:3:1:3

Program Pemantauan Teknologi 3:3:1:3 telah dilaksanakan bertujuan untuk mengesan impak peningkatan produktiviti getah melebihi 2000 kg/hektar/tahun melalui amalan agronomi dan teknologi LITS.

Di peringkat nasional, bilangan pekebun kecil yang dipantau di bawah program 3:3:1:3 untuk sektor getah adalah seramai 38,698 orang, manakala bagi sektor sawit pula seramai 8,727 orang pekebun kecil.

Sepertimana tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, keadaan ekonomi global yang agak meruncing telah turut mempengaruhi sektor komoditi getah dan sawit. Maka itu, saya menyeru supaya tuan-tuan dan puan-puan para pekebun kecil sekalian dapat mempertingkatkan pendapatan melalui usaha-usaha ekonomi tambahan seperti ternakan, industri desa dan pertanian komersial.

### **3.0 KEBERKESANAN PRODUKTIVITI**

Sejak RISDA ditubuhkan pada Januari 1973, saya percaya pelbagai pembaharuan dilakukan untuk meningkatkan taraf

hidup pekebun kecil. Saya yakin pihak pengurusan RISDA kini telah bersiap sedia dengan perancangan rapi bagi memastikan nasib pekebun kecil terus terbela. Apabila kita membicarakan produktiviti kita sering mengaitkannya dengan konsep keberkesanan, kecekapan dan kualiti. Sesbuah organisasi yang dikatakan produktif iaiah organisasi yang telah dapat menggunakan segala sumber yang diperuntukkan dengan cekap dan optimum. Keberkesanan pula ditentukan sama ada hasil atau perkhidmatan yang diberikan memenuhi ekspektasi pelanggan. Dengan itu, saya berharap tuan-tuan dan puan-puan akan mendapat manfaat menerusi program yang

dilancarkan pada hari ini. Ingatlah bahawa Tuhan tidak akan mengubah nasib sesebuah kaum itu melainkan kaum itu sendiri mengubahnya. Maka, tuan-tuan dan puan-puan harus terus berusaha mencapai kegemilangan di samping bantuan terus menerus oleh kerajaan disampaikan kepada tuan-tuan dan puan-puan pekebun kecil sekalian.

#### **4.0 Penutup**

Akhir kata, sekali lagi saya merakamkam setinggi-tinggi tahniah kepada RISDA Negeri Kedah kerana berjaya menganjurkan satu Majlis yang begitu berfaedah kepada pekebun kecil di negeri.

13

Semoga Majlis ini memberi manfaat yang sepenuhnya kepada masyarakat pekebun kecil negeri Kedah untuk lebih maju lagi di masa hadapan. Saya mendoakan agar Tuan-tuan dan Puan akan terus maju dan meningkatkan produktiviti.

Dengan kata-kata itu dan dengan lafaz **Bismillahirrahmanirrahim** saya merasmikan Majlis Penutupan Kursus Peningkatan Produktiviti Getah 2009 Negeri Kedah.

**Sekian. Wabillahitaufik Walhidayah Wsb.**

14